

**TEKS UCAPAN  
Y.BHG. PROF. DATUK WIRA DR. RAHA ABDUL RAHIM  
NAIB CANSELOR  
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

---

**PERJUMPAAN DENGAN PENERIMA FRGS  
18 NOVEMBER 2020 3.00 PETANG  
DEWAN KULIAH FKP**

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam  
Sejahtera

**1. YBhg. Profesor Dr. Ghazali bin Omar**

Menjalankan Fungsi Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan  
Inovasi)

**2. YBhg. Prof. Dr. Zahriladha bin Zakaria**

Pengarah CRIM

Para pensyarah, hadirin hadirat sekalian.

## **TALKING POINTS**

1. Tahniah dah syabas kepada semua penerima Geran Penyelidikan FRGS bagi Fasa 1/2020.

2. Pada tahun lepas, proposal penyelidikan FRGS dari UTeM tidak diperakukan kesemuanya, namun pada tahun ini UTeM bangkit semula dengan **kejayaan sebanyak 44.2%** daripada bilangan proposal yang dihantar telah diperakukan oleh KPT.
3. Jumlah nilai geran keseluruhan yang diterima oleh UTeM bernilai **RM4,586,044.**

4. Penerimaan geran FRGS fasa ini juga merupakan yang tertinggi pernah diterima oleh UTeM iaitu sebanyak **50 proposal**.
5. Bagi pihak Universiti, saya ucapkan setinggi-tinggi syabas dan tahniah kepada para penyelidik yang bertungkus lumus menghasilkan proposal yang berkualiti, juga kepada semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam proses permohonan geran ini.

6. Menerusi geran ini, **Universiti mengharapkan Penyelidikan Fundamental dilaksanakan dengan lebih agresif**, supaya para penyelidik memiliki kepakaran dalam pelbagai disiplin ilmu.
7. Penerokaan ilmu baharu menerusi pelbagai cabang penyelidikan dapat memperluaskan lagi kemahiran, keilmuan dan keserjanaan seseorang ahli akademik mahupun penyelidik tersebut, selari dengan aspirasi kita untuk melahirkan **Technology Scholars yang berperanan**

**penting dalam melengkapi ekosistem akademia, industri dan komuniti.**

8. Diharapkan, menerusi geran penyelidikan ini, para penyelidik akan **lebih bermotivasi dan bersungguh-sungguh menjalankan penyelidikan dengan penuh etika dan integriti** sekaligus memperkasakan bidang penyelidikan universiti ini.

9. **Hasrat universiti agar para penyelidik UTeM dapat mempertingkatkan lagi bilangan proposal yang berkualiti melalui bank proposal dari setiap fakulti. Sasaran Universiti agar setiap staf dapat mengetuai sekurang-kurangnya satu geran penyelidikan aktif yang secara langsung menyumbang kepada penilaian MyRA UTeM.**
10. **Diharapkan juga, selepas ini para penyelidik meneruskan kesinambungan kesarjanaan melalui perolehan geran PRGS.**



11. Merujuk kepada statistik, sejak 2016 sehingga kini, jumlah penerima **Geran PRGS** dari **UTeM** adalah seramai **12 orang sahaja**. Oleh itu, saya menyeru para penyelidik supaya **meningkatkan tahap penyelidikan masing-masing ke peringkat penghasilan produk dan paten** yang seterusnya boleh memberi nilai tambah dalam aspek inovasi dan pengkomersilan.

12.Insya Allah, dengan segala usaha bersama ini, **konsep TUNAI disamping hasrat melahirkan ramai *solution providers*** demi manfaat industri yang lebih mapan dan komuniti yang lebih sejahtera dapat direalisasikan dengan jayanya.

13.Sekian, terima kasih.